

Program pendigitalan baharu sokong Jendela

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kini memberi keutamaan tinggi kepada usaha pembangunan pendigitalan negara sehingga lima tahun akan datang.

Perkara itu ditegaskan Menteriannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (**gambar**) yang memberi jaminan bahawa semua program berkaitan disesuai berdasarkan rangka tindakan sektor perkhidmatan baharu.

“Segala program terkini melibatkan pendigitalan di bawah rangka tindakan 2021 hingga 2025 bakal menyokong dan melengkapi semua inisiatif Jalinan Digital Negara (Jendela),” katanya.

Beliau berkata demikian keti-

ka berucap secara maya merasmikan pembukaan Persidangan Digital dan Kepimpinan 2020: *Go BIG (Breakthrough, Integrity, Good) With Digital* di sini hari ini.

Turut hadir menyaksikan perasmian itu ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali dan Ketua Pengerah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Datuk Abdul Latif Abu Seman.

Sejumlah 1,000 peserta dari seluruh negara menyertai persidangan selama sehari berkenaan yang dianjurkan oleh MPC dan platform agensi kelolaannya, Digital Productivity Nexus (DPN).

Mengulas lanjut, Mohamed



Azmin berkata, rangka tindakan pendigitalan nasional yang giat disusun merupakan sebahagian usaha berterusan bagi menja-

min kesejahteraan hidup rakyat.

“Kemunculan wabak Covid-19 telah mencipta rancangan segera bagi Malaysia menyesuaikan norma baharu ke arah penyediaan kesalinghubungan akses digital berkualiti,” jelas beliau.

Ujarnya lagi, kerajaan baru ini turut merumus Jendela untuk menambah baik kualiti perkhidmatan dan menjadi asas kepada pelaksanaan penuh liputan bertaraf 5G di seluruh negara.

Bahkan Mohamed Azmin yakin, pemasangan jaringan prasarana berteknologi tinggi akan dibuat secara trek pantas dalam usaha peralihan negara kepada capaian luas tanpa wa-

yar 5G.

“Dengan penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri 4.0, kerajaan menawarkan dasar jelas bertepatan lonjak kemajuan teknologi memacu pertumbuhan ekonomi,” katanya.

Malaysia jelasnya, yang berada pada kedudukan ke-33 daripada 144 negara dalam laporan daya saing teknologi komunikasi maklumat global, harus tidak lepas peluang untuk lebih maju.

Kesempatan terbaik itu kata Mohamed Azmin sepatutnya direbut selain kerjasama kukuh antara sektor awam dan swasta bagi perusahaan kecil dan sederhana yang dijana digital ter-